

## 'Cacat bukan halangan lanjut pelajaran'



**SEMANGAT...**Siti Hawa mendaftar di UMP, semalam.

**K**UANTAN: "Biar pun saya dilahirkan lumpuh, ia bukan penghalang untuk saya melanjutkan pelajaran. Ini kerana, jika orang cacat lain boleh berjaya mengapa tidak saya.

"Bahkan, kecacatan ini juga motivasi besar untuk saya bersaing dengan pelajar lain bukan saja dalam akademik malah bidang lain," kata Siti Hawa Apandi, 18, penuntut kurang upaya di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Siti Hawa yang mengambil jurusan Diploma Sains Komputer di universiti berkenaan adalah satu-satunya pelajar kurang upaya yang mendaftar bersama kira-kira 1,300 pelajar, pada 29 Jun lalu.

Anak ketiga daripada lima

beradik itu menghidap penyakit tulang belakang atau spinalmuscular athrophy sejak lahir menyebabkan dia lumpuh dari paras pinggang ke bawah sehingga terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak.

Siti Hawa berkata, dia tidak berasa rendah diri bersaing dengan penuntut lain di menara gading kerana menerima dorongan dan sokongan moral dari keluarga.

"Saya ingin buktikan orang cacat juga boleh berjaya jika diberi peluang sama seperti insan normal lain. Oleh itu, peluang menjejakkan kaki di universiti ini akan digunakan sebaik-baiknya.

"Saya juga tidak mahu menghampakan harapan ibu bapa yang bersusah-payah memberi pelajaran ke-

pada saya sehingga ke peringkat ini," katanya yang bercita-cita menjadi pengaturcara komputer.

Siti Hawa yang memilih ahli akademik dan ekonomi, Profesor Datuk Dr Ismail Md Salleh yang cacat penglihatan sebagai idolanya juga adalah seorang daripada lima pelajar kurang upaya terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini apabila meraih keputusan 5A, 4B dan 1C.

"Saya magagumi kegigihan Dr Ismail yang tidak tunduk kepada kecacatan, sebaliknya menjadikan kecacatan itu sebagai kelebihan untuk mengukir kejayaan demi kejayaan.

"Semangat yang ditunjukkan yang mampu mengubah nasib," katanya.

SUMBER : *Harian Metro*  
TARIKH : *21/5007*  
MUKA SURAT : *33*